



# DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

## ATURAN URUSAN MESYUARAT

**PERSIDANGAN HARI KEDUA  
MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL KELIMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KELAPAN BELAS  
SELASA, 10 NOVEMBER 2020 BERSAMAAN 24 RABI'ULAWAL 1442H  
JAM 9.00 PAGI**

1. **Bacaan Doa**
2. **Pemasyhuran oleh Tuan Speaker**
3. **Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawapan-Jawapan Lisan**

**(74) YB DR HAJI HAZLAND BIN ABANG HIPNI (N.5 DEMAK LAUT)**

**Bertanya kepada Ketua Menteri**

Apakah perancangan strategik Sarawak untuk menangani wabak COVID-19 dan mungkin wabak-wabak virus lain di masa akan datang?

**(75) YB ENCIK AWLA BIN DRIS (N.25 SIMUNJAN)**

**Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah**

Adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina semula pejabat Jabatan Pertanian Daerah Simunjan kerana keadaan pejabat ini sudah terlalu uzur dan tidak sesuai untuk digunakan lagi?

**(76) YB PUAN HAJAH SIMOI BINTI HAJI PERI (N.28 LINGGA)**

**Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan**

Bilakah projek Jalan Lingga-Sebuyau akan dilaksanakan?

**(77) YB ENCIK WILSON NYABONG ANAK IJANG (N.61 PELAGUS)**

**Bertanya kepada Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli**

- (a) Berapa jumlah lesen LPF (*License of Planted Forest*) yang sudah dikurangkan saiz keluasan kawasan atau ditamatkan oleh Kerajaan kerana tidak memenuhi syarat lesen?
- (b) Apakah pendirian Kerajaan jika terdapat pertindihan rancangan pembangunan yang melibatkan kawasan LPF ini? Adakah Kerajaan akan menarik balik lesen tersebut?

- (78) **YB DATUK AMAR HAJI MOHAMMAD ALI MAHMUD (N.17 STAKAN)**  
**Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan**  
Apakah langkah dan rancangan Kerajaan bagi mengatasi masalah banjir yang sering berlaku di kawasan Kampung Bukit Berangan, sekitar perumahan di kawasan tersebut dan kawasan perumahan Samarindah Samarahan?
- (79) **YB ENCIK ALLAN SIDEN GRAMONG (N.50 MACHAN)**  
**To ask the Minister for Utilities**  
Is there any plan to supply clean treated water to Majau, Nanga Poi, Poi Ili, Menalun, Ulu Poi and Ulu Machan area?
- (80) **YB ENCIK MARTIN BEN (N.22 KEDUP)**  
**Bertanya kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak**  
Apakah inisiatif Kerajaan bagi menggalak golongan belia supaya menceburi bidang perniagaan secara digital dengan menggunakan platform baharu selari dengan budaya seharian mereka?
- (81) **YB ENCIK GERALD RENTAP JABU (N.36 LAYAR)**  
**Bertanya kepada Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak**  
Apakah statistik terkini penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak umumnya di DUN.36 Layar khususnya serta adakah langkah semakan untuk kenaikan sumbangan tanpa bantuan bagi setiap kategori?
- (82) **YB ENCIK JEFFERSON JAMIT ANAK UNYAT (N.63 BUKIT GORAM)**  
**Bertanya kepada Menteri Belia dan Sukan**  
Adakah terdapat sebarang rancangan untuk membina sebuah Padang Bola sepak di Kapit?
- (83) **YB ENCIK SEE CHEE HOW (N.11 BATU LINTANG)**  
**To ask the Minister for Education, Science and Technological Research**  
What is the plan to elevate SMK Tabuan Jaya as Sekolah Sukan Negeri Sarawak to a Sekolah Sukan Negara Sarawak or Sekolah Sukan Malaysia Sarawak?
- (84) **YB DATO HENRY HARRY ANAK JINEP (N.2 TASIK BIRU)**  
**To ask the Minister for Tourism, Arts and Culture**  
What is the Government's plan for the development of domestic tourism attractions for new areas in DUN N.2 Tasik Biru such as Satow Waterfall, Bronang Waterfall, Oyak Muot Waterfall, Libuan Pinomu etc.?
- (85) **YB ENCIK SAFIEE BIN HAJI AHMAD (N.43 DARO)**  
**Bertanya kepada Ketua Menteri**  
Apakah usaha pihak Telekom Malaysia dalam meningkatkan perkhidmatan talian tetap dan *internet* seperti menaiktaraf *Unifi* yang berkapasiti tinggi khususnya di Daro?

- (86) **YB DATO HAJI IDRIS BIN HAJI BUANG (N.16 MUARA TUANG)**  
**Bertanya kepada Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli**  
 Apakah perancangan Kerajaan untuk mempercepatkan proses pembesaran kampung dan kampung tradisi seperti di Kpg Baru, Kpg Tjg Bundong, Kpg Melayu, Kpg Pinang, Kpg Empila, Kpg Meranek, Kpg Niup dan lain-lain yang sekarang menghadapi masalah kepadatan kampung (*congestion*) serta ancaman hakisan dan lain-lain?
- (87) **YB ENCIK RIPIN BIN LAMAT (N.72 LAMBIR)**  
**Bertanya kepada Menteri Utiliti**  
 Apakah perancangan Kerajaan untuk menjadikan *Biomass* sebagai *renewable energy*?
- (88) **YB DATIN PATINGGI DATUK AMAR HAJAH JAMILAH BINTI HAJI ANU (N.3 TANJUNG DATU)**  
**Bertanya kepada Ketua Menteri**  
 Sejauh manakah pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Kawasan Pesisiran Lundu – Sematan (2014 – 2030)?
- (89) **YB ENCIK CHUKPAI UGON (N.66 MURUM)**  
**Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan**  
 Bilakah Kerajaan akan menempatkan satu pusat rawatan *hemodialysis* untuk pesakit kencing manis yang kian bertambah di Klinik Kesihatan Sg. Asap?
- (90) **YB DATO' MURSHID DIRAJA DR JUANDA BIN JAYA (N.44 JEMORENG)**  
**Bertanya kepada Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan**  
 (a) Apakah inisiatif Kementerian bagi mengaktifkan aktiviti pelancongan ke kawasan pesisir Melanau di Matu-Igan?  
 (b) Apakah pelan Kerajaan bagi mempromosi Rumah Panjang Melanau di Sok, Matu dan adakah wujud pelan konservasi bagi rumah warisan ini?
- (91) **YB ENCIK ALI ANAK BIJU (N.39 KRIAN)**  
**Bertanya kepada Menteri Utiliti**  
 Apakah status terkini pembinaan sistem bekalan air terawat di Daerah Kabong?
- (92) **YB DATUK DING KUONG HIING (N.46 MERADONG)**  
**To ask the Minister for Infrastructure and Port Development**  
 With the ever increasing traffic plying the road, do the Ministry has any plan to upgrade the Pasi/Meradong road to dual carriageway?
- (93) **YB ENCIK JOHN ANAK ILUS (N.23 BUKIT SEMUJA)**  
**Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan**  
 Adakah Kerajaan merancang untuk membina baru bangunan Klinik Kesihatan Kpg. Triboh, Serian yang terbakar pada 25hb Disember 2012?
- (94) **YB ENCIK MOHAMAD CHEE BIN KADIR (N.40 KABONG)**  
**Bertanya kepada Menteri Utiliti**  
 Adakah terdapat peruntukan dalam bajet 2021 untuk membekalkan air kepada lima (5) buah rumah Panjang di Ulu Roban?

- (95) **YB DATUK TIONG THAI KING (N.52 DUDONG)**  
**To ask the Chief Minister**  
When can the Wi-Fi coverage be available in Sg Naman, KJD and Batu Wong as Sarawak is paving for digital economy?
- (96) **YB IR AIDEL BIN LARIWOO (N.24 SADONG JAYA)**  
**Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan**  
Apakah status *border security road* yang dicadang untuk dibina di sepanjang sempadan Negeri Sarawak dengan Kalimantan?
- (97) **YB DATO' SRI HUANG TIONG SII (N.45 REPOK)**  
**Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi**  
Adakah Kerajaan bercadang untuk membina Sekolah Vokasional/Teknikal di Sarikei yang dapat memberi peluang kepada pelajar tempatan dan juga sekitar Roban, Saratok dan Betong untuk meneruskan pelajaran dalam bidang kemahiran sebelum memasuki pasaran kerja?
- (98) **YB DATUK MONG ANAK DAGANG (N.31 BUKIT BEGUNAN)**  
**To ask the Minister for Modernisation of Agriculture, Native Land and Regional Development**  
The Government has approved the Collection, Processing and Packaging Centre at Lachau. When is the project going to commence and when is the expected operational date?
- (99) **YB ENCIK ROLLAND DUAT ANAK JUBIN (N.48 MELUAN)**  
**Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan**  
Adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membina jalan berturap baharu dari SK. Nanga Entaih/SK Ulu Entabai, Rh. Sang Chire sepanjang lebih kurang 16 kilometer? Jika ya, berapakah jumlah kos pembinaan?
- (100) **YB PUAN HAJAH SIMOI BINTI HAJI PERI (N.28 LINGGA)**  
**Bertanya kepada Ketua Menteri**  
Apakah Program Dakwah Islamiah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan di DUN Lingga? Nyatakan kekerapan dan tempat dilaksanakan.
- (101) **YB ENCIK YUSSIBNOSH BALO (N.57 TELLIAN)**  
**Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan**  
Apakah perancangan Kementerian terhadap cadangan Jalan Ulu Sikat/Sebakong Fasa 2, Projek Jalan Tellian *Bypass* di Mukah dan cadangan projek menaiktaraf Jalan Ulu Dijih/WTK di Ulu Dalat?
- (102) **YB ENCIK ALLAN SIDEN GRAMONG (N.50 MACHAN)**  
**To ask the Minister for Utilities**  
Whether there is any plan to supply electricity to schools and long houses from Ng Menalun to Ulu Poi and Ng Machan to Ulu Machan?

- (103) **YB ENCIK AWLA BIN DRIS (N.25 SIMUNJAN)**  
**Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi**  
Adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina semula atau menaiktaraf sekolah-sekolah daif di kawasan DUN N.25 Simunjan?
- (104) **YB ENCIK FAZZRUDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN (N.6 TUPONG)**  
**Bertanya kepada Ketua Menteri**  
Berapakah jumlah bantuan BKSS dan kategorinya yang diluluskan untuk penduduk di Sarawak dan di kawasan DUN N.6 Tupong dan status penerimaan bantuan tersebut sehingga Oktober 2020.
- (105) **YB ENCIK DAVID WONG KEE WOAN (N.54 PELAWAN)**  
**To ask the Minister for Local Government and Housing**  
Would the Government consider waiving all the assessment rates for all properties under the Ministry's jurisdiction now that almost everyone is under tremendous financial difficulties?
- (106) **YB ENCIK MOHAMMAD RAZI BIN SITAM (N.35 SARIBAS)**  
**Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah**  
Adakah Kerajaan akan membangunkan kawasan *agropark* di DUN N.35 Saribas? Apakah skop pembangunan kawasan pertanian tersebut?
- (107) **YB ENCIK PAULUS PALU GUMBANG (N.80 BATU DANAU)**  
**Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan**  
Adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk menaiktaraf Jalan Simpang Sagan ke Ulu Lubai? Jika ya, bilakah ia akan dilaksanakan?
- (108) **YB TUAN HAJI RAZAILI BIN HAJI GAPOR (N.29 BETING MARO)**  
**Bertanya kepada Ketua Menteri**  
Apakah status pelaksanaan pembinaan Pusat Pentadbiran baru untuk Daerah Pusa? Adakah Kerajaan bercadang untuk membina Kompleks Sukan, Pusat Bomba, Pejabat Polis Daerah (IPD) dan Pusat Niaga Awam untuk Daerah Pusa?
- (109) **YB DATUK DING KUONG HIING (N.46 MERADONG)**  
**To ask the Minister for International Trade & Industry, Industrial Terminal & Entrepreneur Development Sarawak**  
Is there any plan for the Ministry to introduce new light industrial estates in Meradong District as the existing industrial area is too near to the housing estates, Schools, Sports Complex and government buildings and deemed unsuitable for its originally planned purpose?
- (110) **YB ENCIK ABDUL YAKUB BIN HAJI ARBI (N.58 BALINGIAN)**  
**Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan**  
Apakah perancangan Kementerian terhadap cadangan Projek Jambatan Batang Mukah 2 (Penakub Ulu) di bawah Projek Rakyat dan cadangan Projek Jalan Sungai Liuk ke Kuala Balingian, Balingian (4 buah Rumah Panjang)? Berapakah kos kepada setiap cadangan projek berkenaan?

- (111) **YB PUAN IRENE MARY CHANG OI LING (N.51 BUKIT ASSEK)**  
**To ask the Minister for Local Government and Housing**  
On the recent announcement by Ministry of Health (MOH) on the 150 new permanent posting offered to UD41 Medical Officers in Sarawak. State how would the State Health Ministry determine their placement to achieve proportionate doctor-patient ratio throughout the whole State.
- (112) **YB ENCIK MAJANG ANAK RENGGI (N.70 SAMALAJU)**  
**Bertanya kepada Ketua Menteri**  
Berapakah peratusan jumlah pengangguran di Sarawak akibat daripada penularan wabak COVID-19?
- (113) **YB DATUK HAJI ABDUL WAHAB BIN AZIZ (N.38 KALAKA)**  
**Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan**  
Apakah rancangan terkini untuk membina jalan sejauh 15 km dari kawasan Pagan Melango Saratok hingga ke Kampung Kaba?
- (114) **YB ENCIK WILSON NYABONG ANAK IJANG (N.61 PELAGUS)**  
**Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah**  
Berapakah peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk mendirikan Pusat Latihan Pertanian di Nanga Mujong Bahagian Kapit?
- (115) **YB ENCIK MOHAMMAD RAZI BIN SITAM (N.35 SARIBAS)**  
**Bertanya kepada Menteri Utiliti**  
Apakah status permohonan subsidi penyambungan bekalan elektrik di DUN N.35 Saribas khususnya subsidi pemasangan meter elektrik dan subsidi untuk kerja berkaitan?
- (116) **YB IR LO KHERE CHIANG (N.13 BATU KITANG)**  
**To ask the Minister for Local Government and Housing**  
What is the progress of the proposed flood mitigation project along Jalan Kalong Ningkan?
- (117) **YB ENCIK GERALD RENTAP JABU (N.36 LAYAR)**  
**Bertanya kepada Ketua Menteri**  
Apakah tindakan Kerajaan Negeri tentang isu pemberhentian kerja dalam kalangan pekerja swasta terutamanya operator kilang dan sumber pendapatan alternatif selepas COVID-19?
- (118) **YB ENCIK JEFFERSON JAMIT ANAK UNYAT (N.63 BUKIT GORAM)**  
**Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan**  
Berapakah kos pembinaan satu kilometer jalan raya di Sarawak mengikut kawasan:-  
(a) Kawasan berbukit bukau dan pergunungan.  
(b) Kawasan tanah rata dan tanah gambut.  
(c) Kawasan yang mempunyai sungai yang melibatkan pembinaan jambatan yang pelbagai skop.

- (119) **YB IR CHRISTOPHER GIRA ANAK SAMBANG (N.59 TAMIN)**  
**Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi**  
Apakah status pembinaan SMK Selangau seperti yang telah diumumkan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Zahid Hamidi semasa *Walkabout* di Pekan Selangau pada 5hb Mei 2016?
- (120) **YB DATO HAJI IDRIS BIN HAJI BUANG (N.16 MUARA TUANG)**  
**Bertanya kepada Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli**  
Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mempercepatkan pengeluaran geran-geran tanah ke atas lot-lot kampung dalam kawasan Muara Tuang yang merangkumi 54 buah Kampung di Bahagian Serian dan Bahagian Samarahan?
- (121) **YB ENCIK JOHN ANAK ILUS (N.23 BUKIT SEMUJA)**  
**Bertanya kepada Ketua Menteri**  
Berapakah jumlah kes dan nilai pampasan berkaitan dengan penyelesaian tanah adat di Sarawak yang masih belum dibayar kepada pemilik tanah yang sah iaitu selepas diputuskan di Mahkamah Bumiputera sehingga ke hari ini di seluruh Negeri ini dan di kawasan DUN N.23 Bukit Semuja?
- (122) **YB ENCIK MOHAMAD CHEE BIN KADIR (N.40 KABONG)**  
**Bertanya kepada Menteri Utiliti**  
Projek bekalan Air ke Pekan Kabong sepatutnya siap pada Oktober tahun ini. Apakah status projek ini dan berapa lama lagikah rakyat harus menunggu untuk mendapat bekalan air tanpa apa-apa gangguan?
- (123) **YB DATO' SRI HUANG TIONG SII (N.45 REPOK)**  
**To ask the Minister for International Trade & Industry, Industrial Terminal & Entrepreneur Development Sarawak**  
Are there any plans by the Government to develop a new subsidized industrial land in Repok to encourage more industrial players and also to improve employment opportunities?
- (124) **YB ENCIK SAFIEE BIN HAJI AHMAD (N.43 DARO)**  
**Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan**  
Berapakah jangka hayat jalan raya yang dibina di Sarawak dan berapakah kos penyelenggaraannya?
- (125) **YB ENCIK SEE CHEE HOW (N.11 BATU LINTANG)**  
**To ask the Chief Minister**  
What is the progress of decentralization and devolution of rights, power and authority over the 17 subject matters agreed between the Sarawak, Sabah and Federal Government and transfer of executive functions for education and health to Sarawak?
- (126) **YB PUAN HAJAH SIMOI BINTI HAJI PERI (N.28 LINGGA)**  
**Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah**  
Adakah terdapat usaha Kerajaan untuk menanam halia secara komersial di Maludam? Jika ada bila dan jika tidak mengapa?

- (127) **YB ENCIK RIPIN BIN LAMAT (N.72 LAMBIR)**  
**Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan**  
Berapa jumlah permohonan rumah mampu milik (kos rendah dan sederhana) untuk seluruh Negeri Sarawak dan bagaimana syarat-syarat kelulusan pinjaman yang dilaksanakan oleh Syarikat *Mutiara Mortgage*?
- (128) **YB DATUK TIONG THAI KING (N.52 DUDONG)**  
**To ask the Minister for Welfare, Community Wellbeing, Women, Family and Childhood Development**  
What are the steps taken to rehabilitate the increasing number of drug addicts especially among the youngsters?
- (129) **YB DATIN PATINGGI DATUK AMAR HAJAH JAMILAH BINTI HAJI ANU (N.3 TANJUNG DATU)**  
**Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan**  
Adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membina tempat R&R di sepanjang laluan jalan raya utama di Sarawak dan adakah Kerajaan bercadang untuk memasang lampu jalan di sepanjang laluan jalan pesisir dan Lebuhraya Pan Borneo?
- (130) **YB IR CHRISTOPHER GIRA ANAK SAMBANG (N.59 TAMIN)**  
**Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah**  
Apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah pemaju yang gagal melaksanakan pembangunan tanah adat (NCR) dibawah konsep JV pemaju dengan Pelita/NCR terutamanya tanah NCR di kawasan Pasai Siong Sibu dan Balingian Selangau?
- (131) **YB IR AIDEL BIN LARIWOO (N.24 SADONG JAYA)**  
**Bertanya kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak**  
Apakah inisiatif-inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak bagi membantu peniaga-peniaga kecil yang kurang kemahiran dan kemampuan dalam melaksanakan Ekonomi Digital?
- (132) **YB ENCIK ALI ANAK BIJU (N.39 KRIAN)**  
**Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan**  
Adakah terdapat perancangan untuk pemindahan tapak pelupusan sampah di Saratok?
- (133) **YB ENCIK ABDUL YAKUB BIN HAJI ARBI (N.58 BALINGIAN)**  
**Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan**  
Apakah status terkini Cadangan Projek Jalan Tellian *by-pass* yang telah mendapat kelulusan di bawah Projek Rakyat?



- (134) **YB ENCIK YUSSIBNOSH BALO (N.57 TELLIAN)**  
**Bertanya kepada Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan**  
 Apakah perancangan Kementerian terhadap cadangan projek untuk membina sebuah kompleks Warisan Mukah (Muzium, galeri, pusat seni budaya dan Pasar Seni)?
- (135) **YB ENCIK ROLLAND DUAT ANAK JUBIN (N.48 MELUAN)**  
**Bertanya kepada Ketua Menteri**  
 Adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk membina Stesen Minyak di DUN N.48 Meluan?
- (136) **YB ENCIK JOHNIHAL RAYONG ANAK NGIPA (N.33 ENKGILILI)**  
**Bertanya kepada Menteri Utiliti**  
 Sudah hampir 60 Tahun kawasan Batang Air Hilir, kawasan Skrang Hilir dan kawasan Ulu Skrang tiada bekalan air bersih. Bilakah kawasan-kawasan tersebut akan dapat dibekalkan dengan Projek Air Bersih yang dirawat?
- (137) **YB DATO' MURSHID DIRAJA DR JUANDA BIN JAYA (N.44 JEMORENG)**  
**Bertanya kepada Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli**  
 (a) Berkenaan isu keluarga bersesak dalam satu rumah warisan: Bagaimanakah Kerajaan mengatasi masalah keluarga-keluarga yang tidak memiliki rumah di kampung yang tinggal berhimpit di dalam sebuah rumah warisan keluarga?  
 (b) Berapa ramaikah keluarga yang menghadapi masalah seperti ini?
- (138) **YB DATO' SRI HUANG TIONG SII (N.45 REPOK)**  
**Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan**  
 Apakah status pelaksanaan Projek Rumah Mampu Milik di DUN Repok untuk memenuhi keperluan penduduk berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri?
- (139) **YB DATUK TIONG THAI KING (N.52 DUDONG)**  
**To ask the Minister for Modernisation of Agriculture, Native Land and Regional Development**  
 Is there any plan to approve an agro park in Sibu to encourage young people to venture in agriculture sector to boost Sarawak economy?
- (140) **YB ENCIK DAVID WONG KEE WOAN (N.54 PELAWAN)**  
**To ask the Chief Minister**  
 As the head of State Disaster Management Committee, would the Government regard and call the Covid-19 a disaster? What measures have been taken to protect Sarawakians?
- (141) **YB ENCIK MOHAMMAD RAZI BIN SITAM (N.35 SARIBAS)**  
**Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan**  
 (a) Adakah jalan raya yang dibina di Sarawak menepati kepiawaian yang diiktiraf peringkat antarabangsa dan berapakah kos penyelenggaraannya setahun?  
 (b) Kita mempunyai rangkaian jalan raya pesisir, jalan utama, kedua dan lebuh raya Pan Borneo. Adakah Kerajaan merancang untuk membina stesen Rawat dan Rehat (R&R) di sepanjang laluan tersebut?

**(142) YB ENCIK ALEXANDER ANAK VINCENT (N.49 NGEMAH)**

**To ask the Minister for Urban Development and Natural Resources**

What is the current status of the survey of Native Customary Right (NCR) land under Section 18 of Land Code in Ngemah Constituency?

**(143) YB ENCIK PAULUS PALU GUMBANG (N.80 BATU DANAU)**

**Bertanya kepada Ketua Menteri**

Insiden kebakaran ke atas rumah-rumah panjang dan rumah kediaman individu sering berlaku. Adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk membantu menyediakan atau membina rumah baru kepada mangsa-mangsa kebakaran ini secara automatik?

**(144) YB PUAN IRENE MARY CHANG OI LING (N.51 BUKIT ASSEK)**

**To ask the Minister for Local Government and Housing**

State why should the State Government agree to fund and implement Phase 4 of Sibu Flood Mitigation Project which is a Federal project. What are the conditions attached to the agreement?

**(145) YB ENCIK MIRO ANAK SIMUH (N.18 SEREMBU)**

**Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan**

- (a) Adakah jangka hayat jalan raya yang dibina di Sarawak menepati piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa?
- (b) Bilakah *Border Security Road* antara sempadan Sarawak dan Kalimantan dijangka dimulakan? Adakah ianya akan dibiayai oleh Kerajaan Sarawak atau Kerajaan Pusat?

**(146) YB ENCIK MOHAMAD CHEE BIN KADIR (N.40 KABONG)**

**Bertanya kepada Ketua Menteri**

Apakah status pembinaan Kompleks Pejabat Daerah Kabong. Bilakah pembinaan akan bermula dan berapakah jumlah peruntukan untuk projek tersebut?

**4. Rang Undang-Undang Kerajaan — Bacaan Kali Yang Kedua**

**Constitution of the State of Sarawak (Amendment) Bill, 2020**

**Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan; Menteri Belia dan Sukan; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.15 Asajaya**

(YB Datuk Haji Abdul Karim Rahman Hamzah)

**5. Rang Undang-Undang Kerajaan — Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Constitution of the State of Sarawak (Amendment) Bill, 2020**

**Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan; Menteri Belia dan Sukan; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.15 Asajaya**

(YB Datuk Haji Abdul Karim Rahman Hamzah)

**6. Usul Pemilihan Ahli Dewan Negara**

**7. Usul Daripada Ahli Dewan Biasa**

**8. Penangguhan Mesyuarat**